



Ellesmere

Kolej Ellesmere ditubuhkan pada tahun **1884** dan menawarkan peluang kepada pelajar yang berusia **7 hingga 18 tahun** untuk melakar kejayaan dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti muzik, seni, sukan dan drama, dalam suasana yang tenang dan damai.

Reputasi Great Britain sebagai pusat pendidikan yang berkualiti tinggi memang sudah terkenal di serata dunia. Di Kolej Ellesmere, kami mendukung tradisi kecemerlangan ini dengan memfokuskan keperluan akademik dan sosial setiap pelajar.

Kami membantu pelajar membuat persediaan untuk peperiksaan GCSE, Pra A-Level dan International Baccalaureate selain memberikan peluang kepada mereka menyertai program sukan dan sosial yang banyak dan pelbagai.

Berdiri megah di kawasan berkeluasan lebih 50 hektar, sekolah ini terletak berhampiran pekan Ellesmere yang sarat dengan sejarah. Bandar kedua terbesar di England iaitu Manchester dan Birmingham yang berjarak kurang daripada 100 kilometer memberikan banyak kelebihan dan kemudahan.

85%

pelajar mendapat tempat di universiti pilihan pertama mereka termasuk Oxford dan Cambridge.

2015 RESULTS

A Level Results 99% pass rate • Boys 60% A*AB • Girls 70% A*AB.

2015 HIGHLIGHTS A LEVELS

Nina Handzewnaki
Joe Hughes
Hannah Miles
Migle Kocyté
Luke Caldecott
Cassie Champrasit
Patrick O'Brien
Bobby Orr
Zijin Zeng
Beatrice Quinton
Illya Zalessky

University of Oxford - Medicine	A*A*A*
University of Sheffield - Medicine	A AA
University of Birmingham - Medicine	A*AB
King's College London - Bio Med	AAB
University of Birmingham - Economics	AAA
University of Arts (Chelsea) - Fine Art	AAB
University of Nottingham - Chemical Engineering	AAA
University of Exeter - History	A*A*AA
University of Manchester - Economics	AABC
University College London - Classics	A*AA
University of Birmingham - Chemistry	AAB

2015 HIGHLIGHTS INTERNATIONAL BACCALAUREATE

58% 30+ points = A*AA grades at A Level.

Michal Zarzecki
Max Assmann
Caspar Fritzen
Robert Blach

University of Krakow - Medicine	43
Medicine	42
Army	35
Medicine	35

APA KATA PELAJAR KAMI



Matthew Tan

Yang menariknya di sini, anda dianggap sebagai individu. Mata pelajaran dan aktiviti disusun mengikut keperluan dan aspirasi anda. Guru-guru pula sentiasa bersedia membantu. Paling penting, kepelbagaian pelajar yang datangnya dari serata dunia menjadikan pengalaman di Ellesmere sesuatu yang tidak dapat dilupakan.

KENALI KOLEJ ELLESMERE...

Berteraskan nilai-nilai kekeluargaan, Kolej Ellesmere menawarkan persekitaran yang selamat, mesra dan damai. Komuniti asrama yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai negara bergiat aktif dalam berbagai-bagai aktiviti sekolah.

Asrama kediaman yang moden menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi, selesa dan selamat untuk para penghuni, dan kakitangan asrama sentiasa bersedia untuk membantu dan memenuhi keperluan pelajar 24 jam sehari. Kerjasama yang cekap antara kakitangan asrama dan akademik memastikan kesinambungan penjagaan pelajar pada setiap masa.

Terdapat beberapa jenis bilik di bangunan asmara, dan kebanyakannya ialah bilik penginapan satu dan dua katil, yang dilengkapi bilik air. Kemudahan Wi-Fi tersedia di seluruh kawasan sekolah.

Kami memahami bahawa penerapan elemen komuniti dan keluarga di Kolej Ellesmere amat penting bagi para pelajar memandangkan sekolah merupakan "kediaman kedua" mereka. Kami menggalakkan pelajar untuk meningkatkan kemahiran sosial dan memantapkan keyakinan diri.

Pelbagai program sukan dan kelab disediakan agar pelajar dapat memilih kegiatan yang menepati minat dan kecenderungan mereka. Sama ada berseronok dan bersuka ria di kolam renang pada musim panas atau meluangkan waktu petang di gimnasium, pelajar dapat menikmati udara yang segar sambil bersenam.

Program Arena Arts bertujuan memupuk minat terhadap seni di Kolej Ellesmere dan dalam komuniti. Program ini menawarkan seni persembahan yang lazim seperti tarian, drama dan muzik selain seni visual tradisional seperti seni lukis, seni catan dan seni arca di samping media yang lebih moden misalnya pembikinan filem, perakaman bunyi dan fotografi digital.



Ellesmere College, Ellesmere,
Shropshire, SY12 9AB

www.ellesmere.com

Tel: +44 (0)1691 622 321

E: internationalregistrar@ellesmere.com

For more insights into Ellesmere College, follow us on:



/EllesmereColl



/ellesmerecoll



/TheEllesmereCollege